

BAB KETIGA

PENTADBIRAN HARTA PUSAKA DI DAERAH MUAR

3.1 Pengenalan

Sebelum kita membincangkan pentadbiran harta pusaka dengan lebih mendalam, penulis akan meninjau secara ringkas sejarah kedatangan Islam ke Negeri Johor secara umum dan di Daerah Muar khususnya. Penulis merasakan ia berkait rapat dengan tajuk yang akan dibincangkan. Tidak dapat dinafikan, kedatangan Islam lima ratus tahun yang lalu sebenarnya telah memberikan kesan kepada sistem perundangan di daerah ini. Antaranya, kajian sejarah mendapati terdapat suatu undang-undang yang berkaitan dengan undang-undang pentadbiran harta orang-orang Islam telah diamalkan ketika itu. Selain daripada itu, penulis juga akan membincangkan kedudukan undang-undang pentadbiran harta pusaka orang-orang Islam sebelum dan selepas kedatangan penjajah serta perkembangannya masakini. Ia penting bagi memperlihatkan bagaimana langkah-langkah pihak penjajah dalam memperkenalkan undang-undang pentadbiran mereka di rantau ini.

Sejarah kedatangan Islam di negara ini berkait rapat dengan kedatangan Islam di Asia Tenggara. Ini disebabkan dari segi geografinya, negara ini tidak dapat dipisahkan dengan Gugusan Kepulauan Melayu dan Asia Tenggara. Para pengkaji sejarah telah berselisih pendapat dalam menentukan

tarikh bermula kedatangan Islam ke negara ini. Mengikut pendapat Prof.S.Q.Fatimi, Islam telah sampai ke negara ini pada sekitar abad ke-14 Masihi. Ini berdasarkan kepada penemuan Batu Bersurat di Terengganu yang bertarikh 22 Februari 1303M bersamaan 14 Rejab 702H¹. Batu Bersurat tersebut tercatat padanya beberapa peruntukan Undang-undang Jenayah dan Perniagaan Islam². Walau bagaimanapun, terdapat bukti yang lebih kukuh mengatakan bahawa kedatangan Islam di negara ini hanya bermula pada sekitar abad ke-10 Masihi³. Kenyataan ini berdasarkan kepada penemuan batu nisan di Tanjung Inggeris, Kedah pada tahun 1965. Padanya tercatat nama seorang pendakwah berketurunan Parsi yang bernama Syeikh Abd. al-Qadir Ibn. Husayn Shah yang meninggal pada tahun 940 Masihi⁴.

Mengikut Sejarah Melayu, para sejarawan berpendapat Islam mula berkembang di negara ini di zaman kesultanan Melaka pada awal abad ke-15 Masihi⁵. Ia bermula dengan pengislaman Parameswara yang memerintah Melaka pada tahun 1414M. Setelah memeluk Islam baginda telah memakai gelaran Megat Iskandar Shah. Kesan pengislaman ini menyebabkan Islam telah tersebar luas di Tanah Melayu sehingga wujud undang-undang yang berteraskan Islam seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka⁶. Pada masa pemerintahan Sultan Mansur Shah (1459-1477M), Islam telah berkembang ke Johor, Pahang, Kampar, Bengkalis, Bentan dan Kepulauan Karimon⁷.

Sebelum kedatangan Islam, penduduk di Asia Tenggara telah mengenali Agama Hindu dan Buddha terlebih dahulu daripada Islam⁸. Ini memandangkan terdapat penyebaran agama-agama tersebut di rantau ini pada sekitar tahun 78 sebelum masihi⁹. Pengaruh Hinduisme dan Buddhisme yang berasal dari India dan China dipercayai telah sampai ke Tanah Melayu pada abad permulaan era Masih¹⁰. Kedatangan kedua-dua pengaruh tersebut telah memberi kesan kepada sistem pemerintahan di Tanah Melayu di mana kerajaan-kerajaan Hindu telah memperkenalkan sistem pemerintahan beraja bagi menggantikan sistem pemerintahan bersuku sebelumnya¹¹.

Selepas kedatangan Islam, kajian sejarah menunjukkan bahawa sistem perundangan dan sistem sosial Islam telah diamalkan di Tanah Melayu¹². Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian daripada undang-undang tersebut diamalkan secara bercampur-aduk dengan adat Melayu yang dipengaruhi oleh ajaran agama Hindu¹³. Amalan seumpama ini dikatakan sebagai *talbis* iaitu percampuran di antara yang hak dengan yang batil¹⁴. Percampuran di antara undang-undang Islam dengan adat Melayu ketika itu turut memberi kesan dalam urusan pembahagian harta pusaka. Dalam menentukan kadar pembahagian, mereka lebih mengutamakan taraf dan kasta seseorang. Misalnya, apabila si mati meninggalkan balu dan ahli-ahli waris yang terdiri daripada kasta yang berbeza, ahli-ahli waris tersebut akan menerima bahagian pusaka dengan kadar

yang berbeza mengikut taraf dan keutamaan kasta ibunya¹⁵.

3.2 Undang-undang Pentadbiran Pusaka di Malaysia

Secara umumnya, perkembangan Undang-undang Pentadbiran Pusaka di negara ini boleh dibahagikan kepada dua zaman iaitu zaman sebelum merdeka iaitu sebelum 31 Ogos 1957 dan zaman selepas merdeka iaitu bermulai dari 31 Ogos 1957 sehingga kini.

3.2.1 Zaman Sebelum Merdeka

Secara ringkasnya, sebelum kurun ke-16 tidak terdapat suatu undang-undang pusaka yang jelas yang diamalkan dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, para sejarawan berpendapat sistem pembahagian tersebut telah diamalkan dengan berasaskan kepada adat tempatan yang diresapi oleh unsur-unsur Hinduisme memandangkan terdapatnya pengaruh Hindu yang kuat ketika itu¹⁶. Kadar pembahagian harta pusaka pula ditentukan mengikut kedudukan dan taraf kasta seseorang sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

Menjelang kurun ke-16, terdapat undang-undang pusaka yang lebih jelas yang diamalkan di Tanah Melayu. Undang-undang tersebut merupakan undang-undang yang digabungkan di antara Undang-undang Islam dan Adat Temenggong¹⁷. Adat ini merupakan undang-undang Adat Melayu yang bercorak patriarkal. Adat ini dipercayai berasal dari Minangkabau tetapi

telah banyak dipengaruhi oleh adat Hindu dan telah diterima pakai di kebanyakan negeri-negeri di Tanah Melalu seperti Negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan¹⁸. Kemudian, adat ini telah dipengaruhi oleh sistem pusaka Islam¹⁹. Ini berdasarkan kepada kaedah pembahagian harta pusaka yang ditetapkan di dalam adat tersebut. Contohnya, suami mendapat 1/2 bahagian daripada harta peninggalan si mati sekiranya beliau tidak mempunyai anak²⁰.

Selain daripada itu, terdapat juga undang-undang pusaka yang diamalkan berdasarkan Adat Perbatih²¹. Adat ini merupakan undang-undang Adat Melayu yang bercorak matrilineal. Ia berasal dari Minangkabau dan diterima pakai di Negeri Sembilan dan di beberapa daerah di Negeri Melaka²². Adat ini lebih memberi keutamaan kepada golongan perempuan daripada golongan lelaki²³.

Pemakaian sistem pusaka Islam terus berkekalan walaupun Tanah Melayu telah didatangi oleh beberapa penjajah asing seperti Portugis dan Belanda. Namun, apabila kedatangan penjajah Inggeris pada tahun 1786, Inggeris telah mula campurtangan dalam sistem perundangan di negara ini. Ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada pemakaian sistem pusaka Islam²⁴.

Pada tahun 1880, Inggeris telah memperkenalkan sistem

pusaka Inggeris melalui satu peruntukan undang-undang yang berkaitan tatacara perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam. Undang-undang ini dinamakan Mahomedan Ordinance 1880, (No. 5 of 1880)²⁵. Dalam urusan pembahagian harta pusaka, Ordinan ini memperuntukkan bahawa pembahagian harta suami isteri tertakluk kepada undang-undang British kecuali mereka telah bersetuju supaya pembahagian harta pusakanya dilaksanakan mengikut undang-undang Islam. Ini sebagaimana yang diperuntukkan di dalam seksyen 27, Ordinan tersebut²⁶.

Pada tahun 1923, peruntukan di dalam seksyen 27 Ordinan tersebut telah dipinda melalui Mahomedan Ordinance (Amendment) 1923, (No. 26 of 1923)²⁷. Pindaan ini memberuntukan bahawa apabila seseorang Islam meninggal dunia, harta pusakanya hendaklah dibahagikan menurut undang-undang Islam. Dengan pindaan tersebut, sebarang pembahagian harta yang berkaitan dengan harta pusaka orang-orang Islam akan dilaksanakan mengikut undang-undang pusaka Islam²⁸.

Di samping itu, Inggeris telah mengubal beberapa undang-undang yang berkaitan dengan pemegangan tanah di Tanah Melayu. Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu²⁹, Inggeris telah mewujudkan suatu undang-undang tanah yang dinamakan "Land Code 1926" iaitu sistem undang-undang tanah yang berdasarkan kepada Sistem Torrens iaitu sistem pendaftaran hakmilik³⁰. Melalui sistem tersebut, seseorang yang ingin

memiliki tanah hendaklah memohon dan mendaftarkan tanah tersebut di Pejabat Tanah. Ini termasuklah tanah yang diperolehi melalui pusaka. Hakmilik tanah mestilah dicatatkan di dalam buku pendaftaran hakmilik di bawah jagaan Pegawai Pejabat Tanah yang disebut Pendaftar Hakmilik³¹. Segala hal ehwal tanah seperti jualbeli, pusaka, pajak, gadai dan sebagainya mestilah diakui oleh Pemuncut Hasil Tanah sebelum didaftarkan di dalam buku daftar hakmilik. Oleh itu, mereka akan mendapat hakmilik tanah secara sembur-na dan tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak³².

Manakala di Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu³³ pula, Inggeris telah menggubal undang-undang yang dinamakan "Land Legislation"³⁴. Selain itu, Inggeris juga telah menwujudkan suatu sistem khusus yang diambil daripada undang-undang harta dan pindah milik Inggeris di England yang dinamakan sebagai sistem surat ikatan (*deed system*) untuk mentadbir urusan pemegangan tanah di Negeri-negeri Selat³⁵.

Pada tahun 1948 pula, Inggeris telah meluaskan pemakai-an undang-undang tanah "Land Code 1926"³⁶ di Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu. Di Negeri Johor, Inggeris telah melaksanakan undang-undang tersebut melalui Undang-undang Tanah Negeri Johor 1935, (No. 1)³⁷, di Negeri Kedah melalui Enak-men Tanah Kedah 1913, (No. 56) dan disemak pada tahun 1938³⁸, di Negeri Kelantan melalui Enakmen Tanah Kelantan 1938, (No. 26)³⁹, di Negeri Perlis melalui Enakmen Tanah

Perlis 1935, (No. 11)⁴⁰ dan di Negeri Terengganu melalui Enakmen Tanah Terengganu 1936, (No. 3)⁴¹. Oleh yang demikian, wujudlah satu bentuk undang-undang tanah yang seragam di seluruh negeri-negeri Tanah Melalu kecuali Negeri-negeri Selat. Ini memandangkan Inggeris masih lagi mengekalkan pemakaian sistem surat ikatan di negeri-negeri tersebut⁴².

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan masih lagi menerima pakai sistem tersebut. Pada tahun 1963, kerajaan telah mengubal Akta Kanun Tanah Negara (Hak Milik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 yang telah dipinda pada tahun 1965⁴³ untuk dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang dan Melaka. Melalui Akta ini, Inggeris telah memperkenalkan Sistem Torrens dan menverapkan sistem surat ikatan di dalam peruntukan Akta tersebut⁴⁴.

Bagi mewujudkan satu undang-undang tanah yang seragam di negara ini, kerajaan telah mengubal Akta Parlimen 1965 dengan meluluskan Kanun Tanah Negara 1965 dan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 1966⁴⁵. Dengan penggubalan Kanun tersebut, segala urusan yang berkaitan dengan undang-undang pemegangan tanah di semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan kepada Sistem Torrens⁴⁶.

Selain daripada undang-undang di atas, Inggeris pada tahun 1900 telah memperkenalkan Enakmen Probet dan Pentadbiran

ran di Negeri-negeri Selat dan Negeri Melavu Bersekutu⁴⁷. Enakmen ini diwujudkan bagi mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka. Di bawah Enakmen ini, urusan pentadbiran pusaka telah dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, urusan penentuan kadar pusaka diletakkan di bawah bidangkuasa Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi dan diberi kuasa untuk menesahkan ahli-ahli waris dan menetapkan bahagian mereka mengikut hukum syarak. Kedua, urusan pentadbiran pusaka diletakkan di bawah pentadbiran Mahkamah Sivil. Justeru itu, Enakmen ini memberi peruntukan yang luas kepada Mahkamah Sivil berbanding Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi. Mahkamah Sivil berhak untuk mendengar, menentu dan memutuskan sebarang perkara yang berkaitan dengan urusan pembahagian harta tersebut⁴⁸. Pada tahun 1920, Enakmen Probet dan Pentadbiran di negeri-negeri tersebut telah dimansuhkan dan diganti dengan Enakmen Persekutuan Probet 1920.

Manakala di Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu bula, urusan pentadbiran pusaka diletakkan di bawah bidangkuasa Jabatan Agama Islam dan Mahkamah Syariah mengikut negeri masing-masing. Namun, perlaksanaannya tetap mencontohi Enakmen Probet dan Pentadbiran yang dilaksanakan di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melavu Bersekutu⁴⁹.

Menjelang tahun 1955, Inggeris telah memansuhkan kedua-dua Enakmen di atas dan menggubal Ordinan Harta Pusaka Kecil

(Pembahagian) 1955⁵⁰. Ordinan ini dikuatkuasakan di seluruh negeri-negeri di Tanah Melayu secara berperingkat-peringkat. Pada 1 Disember 1955, Akta tersebut mula dikuatkuasakan di Negeri Kelantan. Manakala di negeri-negeri lain seperti Negeri Johor, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Selangor dan Terengganu, Akta tersebut dilaksanakan pada 1 Julai 1957⁵¹. Akta ini telah dikuatkuasakan di Negeri Kedah 1 Ogos 1957⁵². Secara ringkasnya, Ordinan ini diwujudkan bagi memudahkan murah dan mempercepatkan pengendalian dan pengurusan sesuatu tuntutan pembahagian pusaka kecil yang berkaitan dengan tanah yang nilainya tidak melebihi RM5 ribu⁵³.

3.2.2 Zaman Selepas Merdeka

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, kerajaan telah menggubal beberapa Akta. Akta-akta tersebut ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (Akta 98)⁵⁴, Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959, (Akta 97)⁵⁵ dan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, (Akta 532)⁵⁶. Tujuannya untuk memudahkan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di negara ini. Namun dalam urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam, Mahkamah Syariah diberi kuasa bagi menentukan ahli-ahli waris yang berhak mendapat bahagian pusaka dan bahagian mereka mengikut *farā'id*⁵⁷. Manakala Mahkamah Tinggi bula mempunyai bidangkuasa mutlak dalam semua urusan pembahagian harta pusaka di negara ini⁵⁸.

3.2.2.1 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955
(Akta 98)

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 yang dikenali sebagai Akta 98 merupakan Ordinan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 yang telah dipinda pada 23 Jun 1972⁵⁹. Akta ini telah dikuatkuasakan di kebanyakan negeri-negeri sejak sebelum merdeka lagi. Selepas merdeka, Akta ini telah dikuatkuasakan di Negeri Pulau Pinang pada 23 Disember 1965 dan Negeri Melaka pada 30 Disember 1965⁶⁰.

Akta ini diwujudkan untuk memberi kemudahan dan mempercepatkan pengendalian dan pengurusan tuntutan pusaka kecil tanpa memerlukan permohonan surat kuasa mentadbir daripada Mahkamah Tinggi. Memandangkan keperluan dan perkembangan semasa, kerajaan telah membuat penilaian semula ke atas jumlah tuntutan yang merangkumi harta alih dan harta tak alih. Nilaian tersebut telah dinaikkan pada tahun 1979 kepada RM300 ribu⁶¹. Pada tahun 1989, nilaian ini dinaikkan lagi kepada RM600 ribu⁶².

Akta ini juga digunakan untuk mengendalikan semua tuntutan harta si mati sama ada harta alih dan harta tak alih yang nilainya tidak melebihi RM600 ribu⁶³. Ia dikendalikan oleh seorang Pegawai Pentadbir Pusaka yang bertindak sebagai hakim untuk menyelesaikan pembahagian pusaka kecil dan bertanggungjawab untuk mendengar, menentu dan memutuskan

tuntutan ahli-ahli waris ke atas harta-harta si mati.

Pada awal peringkat Akta ini dikuatkuasakan. Pegawai-pegawai Daerah dan Penolongnya selaku Pemungut dan Penolong Pemungut Hasil Tanah diberi kuasa untuk menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka kecil di daerah masing-masing⁶⁴. Memandangkan bidang tugas yang semakin bertambah. Kerajaan Persekutuan telah melantik pegawai-pegawai khas yang dikenali sebagai Pegawai Pentadbir Pusaka untuk mengambil alih tugas mereka. Walau bagaimanapun. Pegawai Daerah dan Penolongnya masih terlibat dalam menyelesaikan pembahagian harta pusaka dengan mengendalikan perbicaraan bagi menentukan pengganti ke atas tanah-tanah yang belum dikurniakan hak milik mengikut peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960⁶⁵.

Pada tahun 1988⁶⁶, beberapa pindaan telah dibuat kepada Akta ini dengan memberi kuasa yang lebih luas kepada Pegawai Pentadbir Pusaka⁶⁷. Mereka mempunyai bidangkuasa yang sama dengan Hakim Mahkamah Majistret dalam menjalankan bidangkuasa sivilnya. Ini termasuklah mengeluarkan saman. mengadakan pemeriksaan saksi-saksi, mengendalikan sumpah atau ikrar. memaksa pengemukakan dan penghantar serahan dokumen-dokumen hakmilik pendaftar. Keengganan seseorang untuk menghadiri perbicaraan dan sebagainya boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 174 dan 175 Kanun Keseksaan⁶⁸. Selain daripada

itu, Pegawai tersebut boleh meneruskan perbicaraan yang tertangguh disebabkan oleh kematian atau pertukaran pegawai yang membicarakan kes sebelumnya⁶⁹ dan mengeluarkan perintah pembahagian ke atas harta tersebut⁷⁰.

3.2.2.2 Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959 (Akta 97)

Pada tahun 1959, Kerajaan telah mengubal bula suatu undang-undang yang dinamakan Ordinan Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959 (No. 35)⁷¹. Ordinan ini dikuatkuasakan di seluruh Semenanjung Malaysia pada 1 Februari 1960. Kemudian. Ordinan ini telah disemak pada tahun 1972 dan diwartakan pada 26 Oktober tahun yang sama melalui Akta No. 97. Ordinan semakan ini berkuatkuasa pada 1 November 1972 yang dikenali kemudiannya sebagai Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959. Akta ini diwujudkan adalah berkaitan dengan cara-cara mendapatkan surat kuasa wasiat dan surat kuasa mentadbir harta pusaka. Tuntutannya hendaklah dibuat kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi. Mahkamah kemudiannya akan mengeluarkan surat mentadbir kuasa kepada mana-mana pemohon sama ada secara persendirian, khidmat pequamcara atau Amanah Raya Berhad⁷². Proses pembahagian pusaka bula dilakukan di hadapan hakim Mahkamah Tinggi.

Sekiranya si mati meninggalkan harta pusaka berwasiat, wasiat tersebut hendaklah disahkan oleh Mahkamah Syariah dengan kadar tidak melebihi 1/3 daripada harta peninggalan

si mati sebelum ditunaikan kepada mereka yang menerima

Pada peringkat awal, Akta ini memberuntukkan tuntutan ke atas harta sama ada harta alih dan harta tak alih yang nilainya tidak melebihi RM300 ribu. Walau bagaimanapun, pada tahun 1989 nilaiang ini telah dinaikkan kepada RM600 ribu⁷⁴.

3.2.2.3 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532)

Pada tahun 1995, kerajaan telah menggubal satu akta baru yang dinamakan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995⁷⁵. Ia digubal bagi menggantikan Ordinan Pemerintah Amanah Raya 1950⁷⁶ dan mula berkuatkuasa di seluruh Malaysia pada 1 Ogos 1995⁷⁷. Selepas diperbadankan ia dikenali sebagai Amanah Raya Berhad⁷⁸. Akta ini diwujudkan bagi membenarkan badan korporat terlibat secara langsung dalam urusan pentadbiran harta pusaka.

Dalam melaksanakan tugasnya, Amanah Raya Berhad telah menubuhkan lapan buah Jabatan. Antaranya ialah Jabatan Pentadbiran dan Sumber Manusia, Jabatan Perundangan, Jabatan Pemasaran dan Perhubungan Awam, Jabatan Kewangan dan Akaun, Jabatan Pelaburan, Jabatan EDP, Jabatan Amanah dan Jabatan Pusaka. Di dalam menguruskan harta pusaka, ia dikendalikan oleh Jabatan Pusaka⁷⁹. Jabatan ini bertanggungjawab mentadbir dan mengurus harta pusaka si mati sama ada harta pusaka kecil, harta pusaka terus, harta pusaka biasa, harta pusaka

berwasiat dan harta pusaka tanpa wasiat⁸⁰.

Matlamat atau objektif Jabatan Pusaka ialah bagi mem-pasti dan menentukan hak serta kepentingan si mati iaitu harta pusaka dan warisnya terpelihara menaikut undang-undang dengan mempercepatkan pembahagian pusaka kepada waris⁸¹.

Di samping itu, Jabatan ini turut menyediakan beberapa perkhidmatan yang berkaitan dengan pentadbiran harta pusaka iaitu⁸²:

- a). memberikan khidmat nasihat bagi hal-hal yang ber-kaitan dengan pentadbiran harta pusaka.
- b). Perlantikan pentadbir. pemegang amanah. wakil penerima, penerima dan pengurus. sahabat wakil dan peniaga.
- c). Pentadbiran semua jenis harta pusaka.
- d). Pentadbiran terus harta alih.
- e). Pentadbiran harta pusaka kecil.
- f). Pentabiran harta berwasiat.

Dalam melaksanakan tugasnya sebagai pentadbir harta pusaka, Jabatan Pusaka Amanah Raya Berhad akan mentadbir dan mengurus pembahagian bagi lima jenis harta berikut⁸³:

- a). Harta Pusaka Terus
- b). Harta Pusaka Kecil
- c). Harta Pusaka Biasa
- d). Harta Pusaka Berwasiat
- e). Harta Pusaka Tanpa Wasiat

a). Harta Pusaka Terus

Mengikut peruntukan di dalam Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, Amanah Raya Berhad diberi kuasa mentadbir dan menguruskan pembahagian harta pusaka yang terdiri daripada harta alih yang nilainya tidak melebihi RM600 ribu⁸⁴. Bagi menguruskan harta tersebut, Amanah Raya Berhad akan mence-luarkan akuan sebagai pentadbir untuk mendapatkan harta-harta si mati. Kemudian, harta-harta tersebut akan disatukan sebelum ia dibahagikan kepada ahli-ahli waris. Sekiranya si mati meninggalkan harta alih yang nilainya kurang daripada RM50 ribu, Akta ini juga membenarkan Amanah Raya Berhad mengeluarkan arahan pembahagian dengan membuat pembavaran secara terus kepada ahli-ahli waris⁸⁵. Ini bertujuan untuk memudahkan pentadbiran dan mempercepatkan pembavaran kepada ahli-ahli waris.

b). Harta Pusaka Kecil

Selain daripada itu, Akta tersebut memberi kuasa kepada Amanah Raya Berhad untuk mentadbir harta pusaka kecil yang nilainya tidak melebihi RM600 ribu. Ini termasuklah harta alih dan harta tak alih. Walau bagaimanapun, urusan pentadbiran dan pembahagian ke atas harta tak alih akan ditadbir mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955⁸⁶. Ini memandangkan bidangkuasa Amanah Raya Berhad adalah terhad ke atas harta alih sahaja. Justeru itu, proses pembahagian

pusaka ke atas harta tak alih dilakukan dengan menfaillkan petisyen perbicaraan di Unit Penyelesai Pusaka Kecil dan perbicaraan akan dilakukan di hadapan Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesai Pusaka Kecil⁸⁷.

c). Harta Pusaka Biasa

Amanah Raya Berhad juga diberi kuasa untuk mentadbir harta pusaka yang nilainya melebihi RM600 ribu ke atas termasuk harta alih dan harta tak alih tetapi dengan memohon petisyen di Mahkamah Tinggi bagi mendapatkan surat kuasa mentadbir⁸⁸. Ini memandangkan urusan mentadbir harta yang nilainya melebihi RM600 ribu merupakan bidangkuasa Mahkamah Tinggi⁸⁹. Prosedur untuk mendapatkan surat kuasa boleh dibuat dengan menfaillkan pentisyen menaikut Aturan 71. Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980⁹⁰.

d). Harta Pusaka Berwasiat

Dalam menguruskan harta pusaka orang-orang Islam yang mengandungi wasiat, Amanah Raya Berhad akan mendapat penegasan daripada Mahkamah Syariah sebelum menunaikan kepada penerimanya. Ini kerana orang-orang Islam hanya dibenarkan mengadakan wasiat yang berdasarkan hukum syarak. Justeru itu, sesuatu wasiat hanya terpakai setelah mendapat penegasan daripada Mahkamah Syariah dan kadar yang dibenarkan hanya 1/3 daripada harta peninggalan si mati.

e). Harta Pusaka Tanpa Wasiat

Bagi mentadbir harta pusaka tanpa wasiat. Akta tersebut memperuntukkan Amanah Raya Berhad mentadbir harta mengikut jenis dan nilai harta yang terlibat sama ada harta pusaka terus, harta pusaka kecil atau harta pusaka biasa.

Selain daripada itu, Amanah Raya Berhad juga boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk dilantik sebagai penjaga harta pusaka sekiranya tidak terdapat mana-mana pihak yang memohon mendapatkan surat kuasa mentadbir harta tersebut⁹¹. Permohonan ini dibuat menggunakan Aturan 72. Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980⁹².

Di samping itu, sekiranya Mahkamah berpendapat terdapat kemungkinan harta pusaka tersebut akan menjadi terbiar dan mendatangkan kerugian dengan sebab-sebab tertentu seperti berlaku pertikaian yang berpanjangan di kalangan ahli-ahli waris, Mahkamah boleh melantik Amanah Raya Berhad sebagai pentadbir harta tersebut⁹³. Ini memandangkan dalam tempoh pertikaian tersebut, harta pusaka perlu dijaga dan kepentingan ahli-ahli waris juga perlu dipelihara.

3.2.2.4 Undang-undang lain yang berkaitan

Selain daripada Akta-akta di atas, terdapat juga beberapa undang-undang lain yang berkaitan dengan urusan pembahagian harta pusaka sama ada secara langsung atau tidak

langsung. Undang-undang tersebut iaitu⁹⁴:

a). Undang-undang Syariah (*farā'id*) sebaikaimana yang dinyatakan di dalam al-Qurān dan al-Hadīth di mana setiap ahli waris berhak mendapat bahagian masing-masing secara adil dan teratur⁹⁵. Ketetapan ini bagi mengelak sebarang penafian hak waris, perebutan harta peninggalan si mati dan sebagainya.

b). Undang-undang Pentadbiran Agama Islam bagi setiap negeri-negeri di Malaysia. Undang-undang ini memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mensesahkan ahli waris dan menentukan bahagian mereka menaikut hukum syarak⁹⁶. Dengan adanya undang-undang tersebut, ia dapat melicinkan perlaksanaan perkara-perkara yang diperuntukan di dalam Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta Probet dan Pentadbiran Pusaka 1959 dan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995.

c). Enakmen Rezab Melayu bagi setiap negeri-negeri⁹⁷. Enakmen ini digubal untuk menjamin hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu di mana ia menghalang sebarang pindah milik tanah orang-orang Melayu kepada bangsa lain. Dalam masalah pembahagian harta pusaka, Enakmen ini menghalang hak pewarisan orang bukan Melayu yang memeluk Islam membusakai tanah peninggalan orang Melayu. Contohnya, jika seorang lelaki Melayu berkahwin dengan seorang perempuan bukan Melayu yang beragama Islam, isteri tersebut tidak boleh

mempusatkan tanah yang ditinggalkan oleh suaminya.

Pemakaian ketiga-tiga undang-undangan di atas adalah tertakluk kepada mereka yang beragama Islam dan berbangsa Melayu⁹⁸.

d). Enakmen Pegangan Tanah Adat Negeri Sembilan 1909⁹⁹, yang menentukan pembahagian tanah adat di Negeri Sembilan. Enakmen tersebut memperuntukkan pembahagian pusaka terhadap tanah-tanah adat sama ada tanah pusaka adat atau harta carian hendaklah tertakluk kepada Adat Perpatih¹⁰⁰.

e). Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960¹⁰¹, di mana Akta tersebut telah menghadkan sebarang penurunan hakmilik atau pengganti kepada tidak lebih dari seorang untuk didaftarkan di bawah Daftar Pegangan.

f). Enakmen Wasiat 1959¹⁰², di mana undang-undang ini tidak terpakai kepada wasiat orang-orang Islam. Ini kerana orang-orang Islam hanya dibenarkan membuat wasiat mengikut hukum syarak. Walau bagaimanapun, bagi maksud pentadbiran harta pusaka, sesuatu wasiat boleh dipakai selepas disahkan oleh Mahkamah Syariah¹⁰³.

g). Akta Kesahterafan Anak 1961¹⁰⁴, di mana anak yang didapati tidak sahteraf tidak berhak mewarisi harta bapanya

tetapi ia berhak mewaris harta ibunya.

h). Seksyen 433(1)(b), Kanun Tanah Negara 1965, (pin-daan) 1992¹⁰⁵, yang memperuntukan sebarang pindahmilik harta si mati kepada waris yang berlainan warganegara hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.

i). Undang-undang lain yang berkaitan seperti Akta Umur Dewasa 1971¹⁰⁶, Enakmen Cukai Harta Pusaka 1941¹⁰⁷. Ordinan Anak Angkat 1952¹⁰⁸, Akta Kontrak 1950¹⁰⁹. Ordinan Cacat Akal 1952¹¹⁰, Akta Keterangan 1950¹¹¹. Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950¹¹², Akta Pemerang Amanah 1949¹¹³. Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan sebagainya¹¹⁴.

3.3 Agensi Perlaksana Harta Pusaka di Daerah Muar

Dalam melaksanakan urusan pentadbiran ke atas harta pusaka kecil di daerah ini, terdapat beberapa agensi yang terlibat. Namun, ia tertakluk kepada Akta-akta yang telah dinyatakan sebelum ini. Ia merangkumi Akta-akta seperti Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959 dan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 serta undang-undang lain yang berkaitan.

Agensi-agensi yang terlibat ialah:

- a). Bahagian Pusaka, Pejabat Tanah Daerah Muar.
- b). Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar.
- c). Amanah Raya Berhad.
- d). Mahkamah Syariah.
- e). Mahkamah Tinggi.

3.3.1 Bahagian Pusaka, Pejabat Tanah Daerah Muar

Bahagian Pusaka di Pejabat Tanah Daerah Muar merupakan satu unit kecil yang diwujudkan di bawah bidankuasa kerajaan negeri bagi menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan tanah pusaka. Bahagian ini dipertanggungjawab menerima segala borang permohonan tuntutan pusaka dari waris si mati. Kemudian, unit ini akan menyerahkan kepada Unit Penyelesai Pusaka Kecil untuk urusan pembahagian sebagaimana yang diperuntukan di dalam Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955¹¹⁵. Setelah urusan pembahagian dilakukan oleh Unit Penyelesai Pusaka Kecil, unit ini akan menguruskan sebarang pertukaran hakmilik tanah kepada ahli-ahli waris yang baru. Di samping itu, unit ini akan menyediakan segala maklumat yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka kepada Pihak Berkuasa Negeri atau Kerajaan Negeri melalui Pemungut Hasil Tanah, Pejabat Tanah Daerah Muar.

3.3.2 Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar

Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar telah diwu-

judikan pada 1 Mac 1974 melalui bidangkuasa kerajaan pusat. Ia bertanggungjawab kepada Jabatan Pengarah Tanah dan Galian, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. bagi mengendalikan urusan yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka kecil mengikut peruntukan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955¹¹⁶. Ia dikendalikan oleh empat kakitangan yang diketuai oleh seorang Pegawai Pentadbir Pusaka yang dilantik mengikut undang-undang¹¹⁷.

Matlamat umum unit ini ialah untuk menyelesaikan seberapa banyak kes tuntutan yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka kecil di daerah ini dalam jangka masa yang singkat¹¹⁸. Di samping itu, ia bertanggungjawab memberi penerangan dan khidmat nasihat kepada ahli-ahli waris yang membuat tuntutan pembahagian harta atau surat kuasa mentadbir dengan mengenakan bayaran yang rendah¹¹⁹.

3.3.3 Amanah Raya Berhad

Amanah Raya Berhad Cawangan Muar merupakan salah satu cawangan Perbadanan Amanah Raya Berhad yang diwujudkan di daerah ini. Ia mula beroperasi di Daerah Muar sejak tahun 1984 tetapi sebelumnya dikenali sebagai Pemegang Amanah Raya yang ditubuhkan menurut Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950.

Secara umumnya, Amanah Raya Berhad merupakan syarikat korporat pertama di negara ini yang dilantik sebagai pentadbir harta pusaka. Ia diperbadankan pada 1 Ogos 1995 mengikut

peruntukan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995¹²⁰. Dalam menguruskan pentadbiran harta pusaka, ia dikendalikan oleh Pegawai Pentadbir Pusaka, Amanah Raya Berhad¹²¹.

3.3.4 Mahkamah Syariah

Mahkamah Syariah Daerah Muar ditubuhkan di bawah bidangkuasa kerajaan negeri¹²². Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan yang berkaitan dengan perlaksanaan undang-undang Islam di bawah peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978¹²³. Dalam mendendaikan urusan pembahagian harta pusaka, Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa yang terhad iaitu untuk menentukan ahli-ahli waris yang berhak mendapat pusaka dan bahagian mereka menikut *fara'i id*¹²⁴.

3.3.5 Mahkamah Tinggi

Mahkamah Tinggi Daerah Muar merupakan salah satu agensi yang ditubuhkan di bawah bidangkuasa kerajaan pusat. Dalam mengendalikan urusan yang berkaitan dengan harta pusaka ia dikendalikan mengikut apa yang diberuntukkan di dalam Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959. Akta ini memberuntukan bidangkuasa Mahkamah Tinggi yang lebih luas berbanding dengan Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, dalam mengendalikan urusan pembahagian ke atas harta pusaka orang-orang Islam, Mahkamah Tinggi perlu mendapat pengesahan terlebih dahulu daripada Mahkamah Syariah¹²⁵.

3.4 Prosedur Pembahagian Harta Pusaka Di Daerah Muar

Prosedur pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Daerah Muar dibahagikan kepada dua iaitu prosedur pembahagian ke atas harta milik persendirian dan prosedur pembahagian ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan.

3.4.1 Harta Milik Persendirian

Terdapat tiga agensi yang terlibat secara langsung dalam mengendalikan urusan pembahagian ke atas harta milik persendirian di Daerah Muar. Agensi-agensi tersebut ialah Unit Penyelesai Pusaka Kecil, Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Tinggi. Manakala agensi-agensi yang tidak terlibat secara langsung pula ialah Bahagian Pusaka, Pejabat Tanah Daerah Muar dan Mahkamah Syariah.

3.4.1.1 Unit Penyelesai Pusaka Kecil

Proses pembahagian harta pusaka di Unit Penyelesai Pusaka Kecil adalah tertakluk di bawah peruntukan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Ia dikendalikan oleh Pegawai Pentadbir Pusaka. Prosedur pembahagian harta pusaka kecil adalah seperti berikut:

- a). Permohonan. Tuntutan boleh dibuat oleh mereka yang berkepentingan terhadap harta si mati sama ada ahli waris sendiri atau lain-lainnya. Permohonan hendaklah dibuat melalui borang A di Bahagian Pusaka, Pejabat Tanah Daerah

Muar. (Sila lihat lampiran F). Semasa mendekarkan permohonan itu, pemohon hendaklah melampirkan bersama dokumen-dokumen lain yang diperlukan. Ini termasuklah sijil pengesahan kematian yang dikeluarkan mengikut Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957¹²⁶ atau salinan rasmi sijil kematian yang asal¹²⁷ atau permit pengebumian yang asal¹²⁸ sebagai bukti kematian, salinan kad pengenalan ahli-ahli waris dan salinan dokumen-dokumen yang membuktikan harta-harta milik si mati sama ada harta alih dan harta tak alih.

Bagi kematian yang berlaku sebelum tahun 1948. bukti kematian ini boleh diakui melalui sijil pendaftaran kematian atau surat sumpah¹²⁹ oleh dua orang saksi bebas yang menyaksikan jenazah si mati.(Sila lihat lampiran G). Sekiranya kematian berlaku di luar negara. tuntutan hendaklah disertakan dengan sijil kematian asal dari negara tersebut di samping surat akuan kematian daripada Pegawai Kedutaan Malaysia¹³⁰. Bagi kes kematian yang tidak dapat dibuktikan melalui sesuatu dokumen seperti hilang di laut. hilang semasa pemerintahan Jepun dan sebagainya. tuntutan ini hendaklah disertakan dengan satu perintah 'anggapan kematian' daripada Mahkamah Tinggi¹³¹.

b). Mendapatkan Pengesahan Dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pegawai Pentadbir Pusaka akan mendapatkan pengesahan melalui ('Notice of Application') daripada Pendaftar Mahka-

mah Tinggi Kuala Lumpur melalui borang B. (Sila lihat lampiran H). Mahkamah kemudiannya akan meneliti sama ada terdapat tuntutan yang sama dikemukakan terhadap harta si mati atau sebaliknya sebelum mengesahkannya melalui borang C. (Sila lihat lampiran I). Sekiranya Mahkamah mendapati terdapat tuntutan yang sama terhadap harta tersebut. proses permohonan akan dibatalkan.

c). Menyiasat dan Menilai Harta-harta si mati. Penyiasatan terhadap harta-harta si mati akan dilakukan oleh Pegawai Pentadbir dengan dibantu oleh Penghulu di mana si mati menetap. Ia merangkumi semua harta-harta milik si mati sama ada harta alih dan harta tak alih. Penghulu akan memastikan semua harta dan ahli-ahli waris yang berhak menerima pusaka dimasukkan ke dalam tuntutan tersebut¹³². Kemudian. satu penilaian dibuat terhadap harta-harta tersebut oleh Jabatan Penilaian Harta bagi menentukan jumlah nilainya tidak melebihi nilaiyan yang dibenarkan.

Sekiranya si mati meninggalkan hutang. Pegawai Pentadbir Pusaka akan menjelaskan segala hutang tersebut sekiranya terdapat tuntutan daripada pihak-pihak yang memberi hutang kepadanya¹³³. Ia dilakukan dengan mengeluarkan wang simpanan si mati atau menjualkan harta-harta si mati bagi menjelaskan hutang tersebut setelah mendapat perintah mahkamah dan persetujuan daripada ahli-ahli waris¹³⁴.

d). Mendapatkan Sijil Akuan Faraid Dari Mahkamah Syariah. Kemudian, Pegawai Pentadbir Pusaka akan mendapatkan pengesahan daripada Mahkamah Syariah bagi menentukan ahli-ahli waris yang sah dan bahagian mereka menaikut hukum syarak. Mahkamah Syariah akan mengeluarkan Sijil Akuan Faraid bagi mengesahkan kedudukan ahli-ahli waris dan bahagian mereka¹³⁵. (Sila lihat lampiran J).

Sekiranya si mati meninggalkan harta pusaka berwasiat, Pegawai Pentadbir Pusaka akan mendapatkan pengesahan daripada Mahkamah Syariah bagi memastikan wasiat itu sah mengikut hukum syarak.

e). Mengeluarkan Notis Bicara. Pegawai Pentadbir Pusaka akan mengeluarkan notis bicara dengan menetapkan tarikh, masa dan tempat bicara kepada ahli-ahli waris terbabit melalui borang D. (Sila lihat lampiran K). Borang D juga akan dipamerkan di papan notis Pejabat Tanah dan tempat-tempat awam yang munasabah untuk memastikan ahli-ahli waris terbabit hadir semasa perbicaraan.

f). Melantik Pemegang Amanah. Sebelum perbicaraan dilakukan, sekiranya terdapat di kalangan ahli-ahli waris yang tidak sempurna keahliannya seperti ahli waris masih dibawah umur mengikut Akta Umur Dewasa 1971, ahli waris yang mengalami kecacatan akal mengikut Ordinan Cacat Akal 1952,

ahli waris yang hilang dan ahli waris yang berlainan warga negara, Pegawai Pentadbir Pusaka akan melantik Pemegang Amanah melalui borang H. (Sila lihat lampiran L).

g). Menjalankan Perbicaraan. Pegawai Pentadbir Pusaka akan menjalankan perbicaraan dengan memastikan kehadiran semua ahli waris. Mereka yang tidak dapat menghadiri perbicaraan hendaklah menyertakan surat akuan ketidakhadiran melalui Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Pentadbir Pusaka. Ketidakhadiran atau keengganahan ahli waris untuk menghadirinya akan menyebabkan perbicaraan ini ditangguhkan.

Semasa perbicaraan, pihak-pihak terlibat diberi peluang untuk mengemukakan apa-apa soalan. Di samping itu, Pegawai Pentadbir Pusaka berhak memanggil saksi-saksi seperti penghulu dan sebagainya sekiranya timbul apa-apa masalah.

Di samping itu, perbicaraan juga boleh dibindahkan dari satu daerah ke daerah yang lain sekiranya memudahkan pihak-pihak yang terlibat¹³⁶. Ia dilakukan oleh ahli waris sendiri dengan membuat permohonan kepada Pengarah Tanah dan Galian. Setelah berpuashati, pihak Pengarah Tanah dan Galian akan mengeluarkan surat kebenaran melalui borang R. (Sila lihat lampiran M).

h). Mengeluarkan Perintah Pembahagian. Setelah berpuashati dengan keterangan daripada semua pihak yang terli-

bat, Pegawai Pentadbir Pusaka akan mengeluarkan perintah pembahagian melalui borang E¹³⁷. (Sila lihat lampiran N). Sekiranya ia melibatkan perlantikan Pemeran Amanah. Pegawai Pentadbir Pusaka dengan mengeluarkan surat kuasa mentadbir melalui borang F. (Sila lihat lampiran O). Borang tersebut akan dilampirkan bersama dengan borang FF (jadual senarai harta si mati). (Sila lihat lampiran P).

i). Rayuan. Sekiranya terdapat di kalangan ahli waris yang tidak berpuashati dengan keputusan perbicaraan. mereka berhak mengemukakan rayuan atau ulangbicara dalam tempoh 14 hari selepas tarikh perbicaraan melalui borang P. (Sila lihat lampiran Q). Sekiranya ahli waris berpuashati. perintah pindah hakmilik tanah akan dilakukan menaikut Kanun Tanah Negara 1965¹³⁸.

Walau bagaimanapun, permohonan mengadakan tuntutan ulangbicara boleh dikemukakan dalam beberapa keadaan tertentu. Ini termasuklah¹³⁹:

a). Apabila harta si mati didapati tidak dimasukkan dalam senarai harta di dalam tuntutan asal selepas selesai perbicaraan dilakukan. Ini termasuklah wang caruman KWSP, bayaran pencen bagi kakitangan kerajaan wang memilih skim pencen, bayaran lebihan pinjaman perumahan dan sebagainya.

b). Apabila seseorang yang telah dilantik sebagai Pemegang Amanah bagi pihak ahli-ahli waris yang tidak sem-purna keahliannya perlu digantikan dengan orang lain.

c). Apabila perlu ditarikbalik keavet pentadbir di mana harta si mati akan diturunmilik atau dibahagikan kepada ahli waris yang berhak.

3.4.1.2 Amanah Raya Berhad

Proses pembahagian harta pusaka di Amanah Raya Berhad adalah bergantung kepada jenis harta pusaka yang ditinggal-kan oleh si mati¹⁴⁰. Ini termasuklah harta pusaka terus. harta pusaka kecil, harta pusaka biasa, harta pusaka berwa-siat atau harta pusaka tanpa wasiat¹⁴¹. Namun, secara umumnya prosedur pembahagian harta adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. Ia akan diken-dalikan oleh Pegawai Pentadbir Pusaka, Amanah Raya Berhad. Prosedur pembahagian pusaka adalah seperti berikut:

a). Permohonan. Tuntutan boleh dibuat oleh mereka yang berkepentingan terhadap harta si mati sama ada ahli waris sendiri atau lain-lainnya. Permohonan hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan di Pejabat Amanah Raya Berhad Cawangan Muar. (Sila lihat lampiran R). Semasa mengemukakan permohonan itu, pemohon hendaklah melampirkan bersama doku-men-dokumen lain seperti sijil pengesahan kematian¹⁴² atau salinan rasmi sijil kematian yang asal¹⁴³ sebagai bukti

kematian, senarai nama ahli-ahli waris dan salinan dokumen-dokumen yang membuktikan harta-harta si mati serta menge-sahkannya di hadapan Majistret atau seorang pesuruhjaya sumpah. Ini sama seperti permohonan tuntutan yang dibuat di Bahagian Pusaka, Pejabat Tanah Daerah Muar kecuali permohonan yang dibuat melalui Amanah Raya Berhad ini mestilah mendapat pengesahan daripada pesuruhjaya sumpah.

b). Mendapatkan Pengesahan Dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Amanah Raya Berhad kemudiannya akan mendapatkan pengesahan daripada Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur melalui ('*Notice of Application*') bagi memastikan sama ada tuntutan yang sama dikemukakan terhadap harta si mati atau sebaliknya sebelum memberi pengesahan melalui borang C (sama seperti permohonan melalui Unit Penyelesaian Pusaka Kecil). Sekiranya Mahkamah mendapati terdapat tuntutan yang sama telah dibuat, proses permohonan ini akan dibatalkan.

c). Mengeluarkan Akuan Sebagai Pentadbir Harta Pusaka Terus. Amanah Raya Berhad diberi kuasa mengeluarkan akuan sebagai pentadbir ke atas harta pusaka terus. Ini membolehkan pihaknya mendapatkan maklumat, menghimpuun dan menilai semua harta-harta alih si mati.

d). Memohon Surat Kuasa Mentadbir. Bagi mengendalikan harta pusaka biasa dan harta pusaka kecil. Amanah Raya

Berhad perlu mendapatkan surat kuasa pentadbir daripada Mahkamah Tinggi untuk dilantik sebagai pentadbir ke atas harta tersebut. Sebagai pentadbir harta pusaka biasa. Amanah Raya Berhad akan menghadiri perbicaraan yang akan diadakan di Mahkamah Tinggi. Manakala dalam membuat tuntutan harta pusaka kecil pula, Amanah Raya Berhad akan membuat tuntutan pembahagian melalui di Bahagian Pusaka, Pejabat Tanah Daerah Muar sebagaimana proses tuntutan oleh ahli waris sendiri.

e). Mendapatkan Sijil Akuan Faraid dari Mahkamah Syariah. Amanah Raya Berhad akan mendapatkan penceesaan daripada Mahkamah Syariah bagi menentukan ahli-ahli waris yang sah dan bahagian mereka menaikut hukum svarak.

f). Menghadiri Perbicaraan. Sebagai pentadbir. Amanah Raya Berhad akan menghadiri perbicaraan yang melibatkan tuntutan ke atas harta pusaka biasa dan harta pusaka kecil dengan dihadiri oleh semua ahli waris yang terlibat. Sekiranya terdapat ahli waris yang tidak dapat menghadirinya, mereka dikehendaki menyertakan surat akuan melalui pesuruh-jaya sumpah. Kegagalan atau ketidakhadiran ahli waris untuk menghadirinya akan menyebabkan perbicaraan ini ditangguhkan. Perbicaraan yang melibatkan harta pusaka biasa, diadakan di Mahkamah Tinggi mengikut Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959. Manakala perbicaraan ke atas harta pusaka kecil pula, diadakan di Unit Penyelesai Pusaka Kecil. Daerah Muar mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.

g). Mengeluarkan Akuan Pembahagian. Amanah Raya Berhad kemudiannya akan mengeluarkan akuan pembahagian ke atas harta pusaka terus berdasarkan Sijil Akuan Faraid yang diperolehi daripada Mahkamah Syariah.

h). Rayuan. Sekiranya terdapat di kalangan ahli waris yang tidak berpuashati dengan akuan pembahagian yang dikeluarkan oleh Amanah Raya Berhad atau perintah pembahagian yang keluarkan oleh Unit Penyelesai Pusaka Kecil ataupun Mahkamah Tinggi, ahli-ahli waris dibenarkan mengemukakan rayuan atau ulangbicara di Mahkamah Tinggi. Rayuan tersebut hendaklah difailkan dalam tempoh 14 hari daripada akuan atau perintah pembahagian itu dikeluarkan.

3.4.1.3 Mahkamah Tinggi

Proses pembahagian pusaka di Mahkamah Tinggi tertakluk di bawah Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959. Ia akan dikendalikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi menikut prosedur yang ditetapkan iaitul¹⁴⁴ :

a). Permohonan. Tuntutan boleh dibuat secara persendirian oleh pihak yang berkepentingan terhadap harta si mati atau melalui khidmat Peguamcara ataupun Amanah Raya Berhad. Permohonan hendaklah dibuat kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Muar bagi mendapatkan surat kuasa mentadbir

atau petisyen melalui borang yang disediakan.

b). Mendapatkan Pengesahan Dari Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Setelah petisyen difaiklan. Penolong Pendaftar Kanan, Mahkamah Tinggi Muar akan memaklumkan kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi mendapatkan pengesahan melalui ('*Notice of Application*') dengan menaunkan borang B (sama seperti permohonan melalui Unit Penyelesai Pusaka Kecil). Pihak Mahkamah akan meneliti sama ada tuntutan yang sama telah dikemukakan terhadap harta si mati atau sebaliknya sebelum memberi pengesahan melalui borang C (sama seperti permohonan melalui Unit Pusaka Kecil). Sekiranya Mahkamah mendapati terdapat tuntutan yang sama telah dibuat. proses permohonan ini akan dibatalkan.

c). Mendengar Petisyen Surat Kuasa Mentadbir. Mahkamah Tinggi kemudiannya akan mendengar petisyen surat kuasa mentadbir yang difaiklan oleh pemohon di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi. Setelah Hakim berpuashati, satu perintah dikeluarkan bagi membenarkan pihak pemohon mendapatkan surat kuasa mentadbir dan dilantik sebagai mentadbir pusaka.

d). Mendapatkan Sijil Akuan Faraid Dari Mahkamah Syariah. Setelah dilantik, Pentadbir Pusaka kemudiannya akan mendapatkan pengesahan daripada Mahkamah Syariah bagi menentukan ahli-ahli waris yang sah dan bahagian mereka mengikut hukum syarak.

e). Menjalankan Perbicaraan. Hakim akan menjalankan perbicaraan dengan dihadiri oleh pentadbir pusaka dan semua ahli waris yang terlibat. Sekiranya terdapat ahli waris yang tidak dapat menghadirinya, mereka boleh mewakilkan kehadirannya kepada Pentadbir Pusaka yang dilantik dengan menvertakan surat akuan ketidakhadiran mereka melalui pesuruhjaya sumpah. Kegagalan atau ketidakhadiran ahli waris untuk menghadirinya akan menyebabkan perbicaraan ini ditangguhkan.

f). Mengeluarkan Perintah Pembahagian. Setelah berpuashati dengan keterangan daripada semua pihak yang terlibat. Hakim akan mengeluarkan perintah pembahagian melalui petisyen pembahagian. (Sila lihat lambiran S).

g). Rayuan. Sekiranya terdapat di kalangan ahli waris yang tidak berpuashati dengan keputusan perbicaraan, mereka berhak mengemukakan rayuan atau ulangbicara dalam tempoh 14 hari selepas tarikh perbicaraan melalui pentadbir pusaka masing-masing.

3.4.2 Harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan

Sebagaimana yang dibincangkan di dalam bab yang lalu, harta-harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan terbahagi kepada tiga jenis. Ini merangkumi Tanah-tanah Rancangan Felda, Tanah Felcra dan Tanah Rancangan Berkelompok. Justeru

itu, penulis akan membincangkan prosedur pembahagian harta pusaka di kawasan tanah-tanah rancangan tersebut.

3.4.2.1 Tanah Rancangan Felda

Sebelum proses pembahagian harta pusaka dilakukan di kawasan Tanah-tanah Rancangan Felda di daerah ini. ahli-ahli waris terlibat hendaklah memilih seorang penangganti untuk di daftarkan di bawah Daftar Pegangan. Ini disebabkan tanah-tanah rancangan ini tertakluk kepada peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960¹⁴⁵. Akta ini memperuntukkan apabila berlaku kematian kepada pemilik asal. hakmilik tanah hendaklah diturunkan kepada seorang penangganti dan didaftarkan di bawah Daftar Pegangan¹⁴⁶. Sekiranya orang yang berhak ke atas kepentingan tanah itu tidak setuiu untuk menyerahkan kepentingan mereka kepada seorang penangganti. tanah tersebut hendaklah dijual dan kemudiannya hasil dari-pada jualan tersebut akan dibahagikan di antara mereka mengikut hukum syarak.

Peruntukan ini meliputi ke atas semua jenis tanah sama ada tanah tersebut telah dikurniakan hakmilik atau sebaliknya. Ini dijelaskan dalam seksyen 14, 15 dan 16 Akta tersebut yang memperuntukkan bahawa¹⁴⁷:

14. Pegangan luar bandar boleh dikeluarkan kepada seorang sahaja yang dibenarkan menaikut peruntukan di bawah seksyen 19 dan tidak dibenarkan tuanrunva bersekutu memiliki pada bila-bila masa.

15. Tanah yang terkandung dalam pegangan luar bandar tidak boleh pada bila-bila masa dibelahbagi. Tanah yang terkandung dalam pegangan luar bandar tidak boleh dipecah secara undivided shares. Tanah di bawah pegangan luar bandar tidak boleh dipajak atau dipajak kecil kesemua atau sebahagiannya.

16. Di mana melainkan menaikut seksyen 15. tanah yang terkandung dalam pegangan luar bandar apabila di atas kematian pemegangnya diboleh kepada perbicaraan kuasa dengan cara belahbaasi atau membahagikan undivided shares, orang-orang yang berhak di atas pegangan ini hendaklah memulangkan hak-hak mereka kepada seorang pemegang dan sekiranya tidak dapat dibuat penyerahan, pegangan itu hendaklah dijualkan mengikut perintah pemunaut dan hasil jualan pegangan itu menaikut hak masina-masina dibahagikan mengikut undang-undana.

Biasanya, pengganti ini dipilih di kalangan ahli waris yang mempunyai hubungan rapat dengan si mati seperti isteri si mati. Sekiranya isteri si mati menolak pemilihan tersebut, pengganti akan dipilih di kalangan ahli-ahli waris yang terdiri daripada anak-anak si mati yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun ke atas. Walau bagaimanapun, setiap pemilihan pengganti mestilah mendapat persetujuan daripada semua ahli-ahli waris¹⁴⁸. Sekiranya pengganti yang dipilih masih di bawah umur mengikut peruntukan undang-undang, Pihak Berkuasa Negeri atau pihak Felda sendiri akan bertindak sebagai Pemegang Amanah ke atas tanah tersebut sehingga alah pengganti tersebut mencapai umur dewasa¹⁴⁹.

Bagi memudahkan proses pemilihan pengganti ini. Pihak Felda telah menyediakan peraturan tertentu. Menaikut surat pekeliling Felda¹⁵⁰, apabila berlaku kematian kepada pemilik asal, pengurus tanah-tanah rancangan hendaklah mengikut prosedur seperti di bawah:

a. Pengurus Tanah Rancangan hendaklah melaporkan kematian peneroka kepada Ketua Bahagian Tanah dan Penempatan Peneroka dengan menggunakan borang yang disediakan.

b. Pengurus akan mengadakan bicarakuasa pertama di Pejabat Tanah Rancangan atau di balairaya dengan dihadiri oleh wakil Felda dan semua ahli waris si mati yang berumur lebih 18 tahun ke atas¹⁵¹. Ahli waris yang tidak dapat menghadiri perbicaraan ini, hendaklah memberikan surat akuan ketidakhadiran dengan menyatakan persetujuan terhadap pengganti yang dipilih dan menandatangani borang persetujuan yang disediakan. Pengurus akan melaporkan kepada Ketua Bahagian Ukur, Tanah dan Penempatan Peneroka, Ibujabat Felda Kuala Lumpur.

Sekiranya ahli-ahli waris tidak mencapai persetujuan dalam menentukan pengganti, urusan ini akan ditangguhkan bagi memberi peluang kepada mereka membuat perundingan. Jika penyelesaiannya tidak dicapai, urusan ini akan diserahkan kepada Ketua Bahagian Tanah dan Penempatan Peneroka untuk

menentukan pengganti secara muktamad¹⁵².

c. Dalam bicarakuasa tersebut, semua ahli waris dikehendaki mengangkat sumpah kecuali mereka yang tidak dapat menghadirinya. Pengurus akan menerangkan kepada mereka tentang kedudukan hakmilik tanah tersebut dari segi Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

d. Setelah pengganti ini ditentukan, ahli-ahli waris dikehendaki menghadiri perbicaraan yang akan dilakukan mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil 1955. Proses perbicaraannya bergantung kepada kedudukan tanah rancangan tersebut. Sekiranya tanah rancangan tersebut telah dikeluarkan hakmilik, perbicaraannya akan dikendalikan oleh Pegawai Pentadbir Pusaka¹⁵³. Tetapi sekiranya tanah tersebut belum dikeluarkan hakmiliknya, ia akan dikendalikan oleh Pentadbir Tanah Daerah. Bagi Daerah Muar, perbicaraannya akan dikendalikan oleh Pentadbir Tanah Daerah Muar¹⁵⁴.

3.4.2.2 Tanah Felcra

Proses pembahagian harta pusaka di tanah-tanah Felcra di daerah ini adalah bergantung kepada kedudukan tanah yang dicagarkan kepada pihak Felcra sama ada tanah milik persendirian atau tanah yang tertakluk ke bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

Sekiranya tanah tersebut tertakluk di bawah peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. ahli-ahli waris terlibat hendaklah memilih seorang pengganti yang dipilih di kalangan mereka untuk di daftarkan di bawah Daftar Pegangan. Peruntukan ini meliputi ke atas semua jenis tanah sama ada tanah tersebut telah dikeluarkan hakmilik ataupun sebaliknya.

Dalam melaksanakan proses pemilihan pengganti ini, satu bicara kuasa akan dilakukan oleh Penvelia Felcra Kawasan dengan dihadiri oleh semua ahli-ahli waris si mati. Ahli-ahli waris yang tidak dapat menghadiri perbicaraan ini, hendaklah memberikan surat akuan ketidakhadiran dengan menyatakan persetujuan terhadap segala keputusan yang dibutuskan di dalam perbicaraan tersebut. Namun, sekiranya ahli-ahli waris tidak mencapai persetujuan dalam menentukan pengganti, pihak Felcra akan dilantik sebagai Pemegang Amanah ke atas tanah tersebut sehingga alah mereka mencapai persetujuan dalam menentukan pengganti tersebut¹⁵⁵.

Setelah pengganti ini ditentukan, ahli-ahli waris dikehendaki menghadiri perbicaraan yang akan dilakukan mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil 1955. Proses perbicaraannya adalah sama sebagaimana yang dijalankan ke atas Tanah-tanah Rancangan Felda. Begitu juga dengan prosedur

pembahagiannya, ia tertakluk kepada prosedur pembahagian harta pusaka kecil yang telah dihuraikan sebelum ini¹⁵⁶.

Bagi tanah-tanah milik persendirian bula. proses pembahagiannya adalah tertakluk kepada Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil 1955 dengan mengikut prosedur pembahagian harta pusaka kecil yang telah ditetapkan¹⁵⁷. Ia tidak perlu kepada pemilihan seorang pengganti kerana ia adalah pemilik mutlak kepada tanah tersebut.

3.4.2.3 Tanah Rancangan Berkelompok

Secara umumnya, proses pembahagian harta pusaka di kawasan Tanah Rancangan Berkelompok adalah sama dengan proses pembahagian harta pusaka yang dilakukan di kawasan Tanah-tanah Rancangan Felda iaitu dengan memilih seorang pengganti untuk didaftarkan di bawah Daftar Pegangan. Peruntukan ini meliputi ke atas semua jenis tanah sama ada tanah tersebut telah dikeluarkan hakmilik ataupun sebaliknya. Ini memandangkan tanah rancangan tersebut tertakluk di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960¹⁵⁸.

Dalam melaksanakan proses pemilihan pengganti ini, satu bicarakuasa akan dilakukan oleh Pentadbir Tanah Daerah Muar dengan dihadiri oleh semua ahli-ahli waris si mati¹⁵⁹. Ahli-ahli waris yang tidak dapat menghadiri perbicaraan ini, hendaklah memberikan surat akuan ketidakhadiran dengan

menyatakan persetujuan terhadap segala keputusan yang dibuatkan di dalam perbicaraan tersebut. Namun sekiranya ahli-ahli waris tidak mencapai persetujuan dalam menentukan pengganti, pihak Pentadbir Tanah Daerah Muar akan melantik salah seorang di kalangan ahli-ahli waris sebagai Pemeran Amanah ke atas tanah tersebut sehingga mereka dapat menentukan pengantinya¹⁶⁰.

Setelah pengganti ini ditentukan, ahli-ahli waris dikehendaki menghadiri perbicaraan yang akan dilakukan mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil 1955. Proses perbicaraannya adalah sama sebagaimana yang diajukan ke atas Tanah-tanah Rancangan Felda. Begitu juga dengan prosedur pembahagiannya, ia tertakluk kepada prosedur pembahagian harta pusaka kecil yang telah diuraikan sebelum ini¹⁶¹.

Setelah Pegawai Pentadbir Pusaka atau Pentadbir Tanah Daerah Muar berpuashati, satu perintah pindahmilik tanah akan dilakukan ke atas tanah-tanah rancangan tersebut di bawah Kanun Tanah Negara 1965¹⁶².

3.5 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, sistem pusaka Islam telah diamalkan di Tanah Melayu sejak kurun ke 16 lagi. Sistem pusaka yang diamalkan itu merupakan gabungan di

antara undang-undang Islam dan Adat Temenagauna. Sistem ini telah diterima pakai di kebanyakan negeri-negeri di Tanah Melayu seperti Negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Bagi Negeri Sembilan dan beberapa daerah di Negeri Melaka pula, sistem pusaka yang diamalkan adalah berdasarkan kepada Adat Perpatih.

Kedatangan penjajah Inggeris pada tahun 1786 yang membawa kepada campurtangan Inggeris dalam sistem perundangan telah memberi kesan sedikit sebanyak kepada sistem pusaka Islam di negara ini. Ia bermula pada tahun 1880, apabila Inggeris memperkenalkan satu undang-undang yang berkaitan dengan tatacara perkahwinan dan perceraian orang-orang Islam yang dinamakan Mahomedan Ordinance 1880. (No. 5 of 1880). Di dalam seksyen 27. undang-undang tersebut, Inggeris telah memasukkan satu peruntukan yang berkaitan dengan urusan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam. Peruntukan ini menetapkan pembahagian harta suami isteri tertakluk kepada undang-undang British kecuali mereka telah bersetuju supaya pembahagian harta pusakanya dilaksanakan mengikut undang-undang Islam. Walau bagaimanapun, pada tahun 1923 melalui Mahomedan Ordinance (Amendment) 1923, (No. 26 of 1923), Inggeris telah memansuhkan peruntukan tersebut dengan memasukkan peruntukan baru yang menyatakan apabila seseorang Islam meninggal dunia, harta pusakanya hendaklah dibahagikan menurut undang-undang Islam.

Di samping itu, Inggeris juga telah memberkenalkan undang-undang pemegangan tanah yang berdasarkan Sistem Torrens di seluruh Semenanjung Tanah Melalu. Melalui sistem tersebut, seseorang yang ingin memiliki tanah sama ada melalui pusaka atau sebagainya hendaklah memohon dan mendaf-tarkan tanah tersebut di Pejabat Tanah. Hakmilik tanah mestilah dicatatkan di dalam buku pendaftaran hakmilik di bawah jagaan Pendaftar Hakmilik Tanah. Semua urusan yang melibatkan hal ehwal tanah seperti jualbeli, pusaka, sajak, gadai dan sebagainya mestilah diakui oleh Pemuncut Hasil Tanah untuk didaftarkan di dalam buku daftar hakmilik.

Di samping itu, pada tahun 1900, Inggeris telah mena-u-bal undang-undang bagi mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Negeri-negeri Melalu Bersekutu dan di Negeri-negeri Selat. Undana-undana tersebut dinamakan Enakmen Probet dan Pentadbiran 1900 sebelum dianti dengan Enakmen Persekutuan Probet 1920. Di bawah Enakmen ini, urusan pentadbiran pusaka di negeri-negeri tersebut telah dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, urusan penentuan kadar pusaka diletakkan di bawah bidangkuasa Jabatan Agama Islam negeri-negeri, Mahkamah Kadi Besar atau Mahkamah Kadi dan diberi kuasa untuk mengesahkan ahli-ahli waris dan menetapkan bahagian mereka mengikut hukum svarak. Kedua, urusan pentadbiran pusaka diletakkan di bawah pentadbiran Mahkamah Sivil. Manakala di Negeri-negeri Melayu Tak Berse-

kutu pula, urusan pentadbiran pusaka diletakkan di bawah bidangkuasa Jabatan Agama Islam dan Mahkamah Syariah mengikut negeri masing-masing. Namun, perlaksanaannya tetap mencontohi Enakmen Probet dan Pentadbiran yang dilaksanakan di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melalu Bersekutu.

Pada tahun 1955, Inggeris telah memansuhkan Enakmen di atas dan memperkenalkan Ordinan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 sebelum dipindah kepada Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Akta ini dikuatkuasakan di seluruh negeri-negeri di Tanah Melayu secara berperingkat-peringkat. Secara ringkasnya, Akta ini diwujudkan bagi memudahkan murah dan mempercepatkan pengendalian dan penaurusan sesuatu tuntutan pembahagian pusaka kecil yang berkaitan dengan harta tak alih yang nilainya tidak melebihi RM5 ribu sebelum dinaikkan pada tahun 1979 kepada RM300 ribu. Pada tahun 1989, nilaiannya dinaikkan lagi kepada RM600 ribu.

Pada tahun 1959 pula, kerajaan telah mengubal Ordinan Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959 sebelum dipindah kepada Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959. Akta ini dikuatkuasakan di seluruh Semenanjung Malaysia pada 1 Februari 1960. Secara ringkasnya, Akta ini diwujudkan adalah berkaitan dengan cara-cara mendapatkan surat kuasa wasiat dan surat kuasa mentadbir harta pusaka. Pada peringkat awal, Akta ini memperuntukkan tuntutan ke atas harta sama ada harta alih dan harta tak alih yang nilainya melebihi

RM300 ribu. Tetapi, pada tahun 1989 nilai tuntutan ini telah dinaikkan kepada RM600 ribu.

Pada tahun 1995, kerajaan telah mengubal satu statut baru yang dinamakan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. Statut ini diwujudkan bagi memberi kuasa kepada Amanah Raya Berhad untuk mentadbir dan menguruskan pembahagian harta pusaka yang terdiri daripada harta alih yang nilainya tidak melebihi RM600 ribu. Bagi mentadbir harta tak alih dan harta yang melebihi nilaiang tersebut. Amanah Raya Berhad perlu lah mendapatkan surat kuasa mentadbir daripada Mahkamah Tinggi bagi menguruskan pembahagian harta tersebut.

Dengan pengubalan ketiga-tiga Akta di atas. semua urusan yang berkaitan dengan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di negara ini tertakluk kepada Akta-akta tersebut. Akta-akta ini memberi kuasa kepada tiga agensi berikut untuk mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta tersebut iaitu Unit Penyelesai Pusaka Kecil. Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Tinggi. Mahkamah Svariah diberi kuasa bagi menentukan ahli-ahli waris yang berhak mendapat pusaka dan bahagian mereka mengikut *farā'id*. Manakala Mahkamah Tinggi pula mempunyai bidang kuasa mutlak dalam semua urusan pembahagian pusaka. Di samping itu, terdapat beberapa undang-undang dan peraturan-peraturan lain yang diaunakan dalam urusan pembahagian harta tersebut. Ini termasuklah

Undang-undang Syariah (*fara'id*), Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri, Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Akta Umur Dewasa 1971 dan sebagainya.

Dalam menjalankan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Daerah Muar sama ada ke atas harta milik persendirian atau harta yang ditadbir oleh agensi keraiaan. ia tertakluk kepada peruntukan di dalam Akta dan Enakmen yang dinyatakan di atas. Ia dikendalikan oleh lima agensi yang terlibat iaitu pertama, Bahagian Pusaka. Pejabat Tanah Daerah Muar, kedua, Unit Pembahagian Pusaka Kecil. Daerah Muar, ketiga, Amanah Raya Berhad Cawangan Muar. keempat. Mahkamah Syariah dan kelima, Mahkamah Tinggi Muar.

Oleh yang demikian jelaslah dalam membuat tuntutan pembahagian harta pusaka sama ada harta pusaka kecil, harta pusaka biasa, harta pusaka terus. harta pusaka berwasiat dan tanpa wasiat, ahli-ahli waris perlu mematuhi prosedur-prosedur pembahagian yang telah ditetapkan. Di samping itu. tuntutan ini boleh diuruskan pihak yang berkepentingan terhadap harta tersebut sama ada secara persendirian atau khidmat peguamcara ataupun Amanah Raya Berhad.

NOTA KAKI

- (1) Abdul Samad Said (1957), *Sejarah Kesusastraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 36; Prof. S.Q.Fatimi (1963), *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute. hal. 39.
- (2) Ibid. hal. 36.
- (3) Abdul Kadir Haji Muhammad (1996). *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 1.
- (4) Ibid.
- (5) Abd. Jalil Borham (1993), *Sejarah Perundangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbitan Amal. hal. 34-35.
- (6) Ibid.
- (7) Ibid. hal. 71.
- (8) Abd. Rahman Hj. Abdullah (1989), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena. hal. 19.
- (9) Ibid.
- (10) Prof. Madya Dr. Abdullah @ Alwi Hj. Hassan. "Adat Melayu di Malaysia Mengikut Perspektif Perundangan Islam". *Jurnal Syariah*, Bahagian Pengajian Syariah. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Jil. 5. Bil. 1. Januari 1997.
- (11) Ibid.
- (12) Nik Ahmad Kamal, "Kedudukan Undang-undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia", kertas kerja *Seminar Perundangan Islam*, pada 15-16 September 1990, anjuran Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya: Prof. Saved Muhammad Naquib al-Attas (1972), *Islam Dari Sejarah Dan Kebudayaan Malaysia*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 12; Abd. Jalil Borham, "Sejarah Awal Penulisan dan Perlaksanaan Hukum Islam di Nusantara", *Jurnal Syariah*: Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Jilid 3, Bilangan 1, Januari 1993.
- (13) Abd. Jalil Borham, Ibid.
- (14) Mahyuddin Hj. Yahya dan Ahmad Jelani Halimi (1993). *Sejarah Islam*, Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti. hal. 659; Abd. Rahman Hj. Abdullah, op.cit.. hal. 95.
- (15) Abd. Rahman Hj. Abdullah. Ibid. hal. 64.

- (16) Ibid.
- (17) Ridzuan Awang (1994), *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hal. 43; Prof. Ahmad Ibrahim, Ahilemah Joned (1986). *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 30.
- (18) Ibid.
- (19) Hj. Mohd. Din Ali (1968), "Malay Customary Law and The Family", chapter x, *Family Law and Customary Law in Asia a Contemporary Legal Perspective*. (ed.) David C.Buxbaum. Martinus Nijhoff The Hague, hal. 181.
- (20) Ibid.
- (21) Prof. Ahmad Ibrahim, Ahilemah Joned. *op.cit.*, hal. 30.
- (22) Ibid.
- (23) Hj. Mohd. Din Ali, *op.cit.*, hal. 181.
- (24) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 43.
- (25) Lihat, Mahomedan Ordinance 1880. (No. 5 of 1880): M.B.Hooker (1983), *Islam in South East Asia*. Leiden: E.J.Brill, hal. 172.
- (26) Lihat, seksyen 27, Ibid.
- (27) Lihat, Mahomedan Ordinance (Amendment) 1923. (No. 26 of 1923).
- (28) Abdul Kadir Haji Muhammad, *op.cit.*, hal. 104.
- (29) Negeri-negeri Melayu Bersekutu terdiri daripada Negeri Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Sila lihat. Muhammad Suffian Hashim (1976). *An Introduction to The Constitution of Malaysia*, Kuala Lumpur: Government Printer. hal. 2.
- (30) Sistem Torrens adalah sistem tanah yang diperkenalkan oleh Inggeris dengan mengambil sempena Robert Richard Torrens. Beliau telah memperkenalkan sistem tersebut di Australia Selatan yang kemudiannya berkembang di seluruh Australia pada tahun 1858. Sila lihat, S.R.Simpson (1978). *Land Law and Registration*, Book 1, London: Cambridge Universiti Press, hal. 68-77.
- (31) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 36.
- (32) Ibid. hal. 57.

- (33) Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu terdiri daripada Negeri Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. Sila lihat, Muhammad Suffian Hashim, *op.cit.* hal. 2.
- (34) David S.Y.Wong (1975), *Tenure and Land Dealings in The Malay States*, Singapore: University Press. hal. 1.
- (35) Negeri-negeri Selat terdiri daripada Negeri Melaka dan Pulau Pinang. Sila lihat, Ibid. hal. 2: Muhammad Suffian Hashim, *op.cit.*, hal. 2; Ridzuan Awang. *op.cit.* hal. 35.
- (36) Lihat, Land Code 1926, (Cap. 138).
- (37) Lihat, Johore Land Enactment 1935. (No. 1).
- (38) Lihat, Kedah Land Enactment 1913. (No. 56).
- (39) Lihat, Kelantan Land Enactment 1938. (No. 26).
- (40) Lihat, Perlis Land Enactment 1935. (No. 11).
- (41) Lihat, Terengganu Land Enactment 1936. (No. 3).
- (42) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 35: Tuan Hi. Muhammad @ Arif bin Abd. Rahman, "Pengenalan Kepada Kanun Tanah Negara 1965", kertas kerja *Kursus Asas Pentadbiran Tanah*. pada 21-24 Oktober 1996, anjuran Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Malaysia.
- (43) Lihat, Akta Kanun Tanah Negara (Hak Milik Pulau Pinang dan Melaka) 1963 (No.2) (pindaan) 1965 (No. 55).
- (44) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 36.
- (45) Lihat, Kanun Tanah Negara 1965. (No. 56).
- (46) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 36.
- (47) Lihat, Enakmen Probet dan Pentadbiran Negeri Perak 1900, (No. 7); Enakmen Probet dan Pentadbiran Negeri Selangor 1900, (No. 5); Enakmen Probet dan Pentadbiran Negeri Sembilan 1900, (No. 9); Enakmen Probet dan Pentadbiran Negeri Pahang 1900, (No. 10) dan lain-lain.
- (48) Prof. Ahmad Ibrahim (1976), *The Distribution of Estates, According to Shafi'i Law*. Singapore: Malayan Law Journal, hal. 7.
- (49) Sulaiman Ismail (1976), *Pentadbiran Pesaka dan Acara Sivil Mengenainya di Semenanjung Malaysia*. tidak diterbitkan, Kertas projek Fakulti Undand-undang. Universiti Malaya. hal. 15-16.
- (50) Lihat, Ordinan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.

(No. 34).

(51) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 353.

(52) Ibid.

(53) Dato' Haji Wan Mohammad bin Haji Wan Mustapha. "Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam". kertas kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan, pada 4-5 Jun 1983. anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.

(54) Lihat, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. (No. 98).

(55) Lihat, Akta Probet dan pentadbiran Harta Pusaka 1959. (No. 97).

(56) Lihat, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. (No. 532).

(57) Prof. Ahmad Ibrahim (1997), *Pentadbiran Undana-undana Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hal. 49.

(58) Ibid.

(59) Lihat, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. (No. 98).

(60) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 353.

(61) Nilaian ini telah dikuatkuasakan pada dan selepas 18 Oktober 1979. Sila lihat, Tan Sri Datuk Haji Arshad Avub. Haji Nik Mohd. Zain bin Haji Nik Yusof dan Mohd. Helmi bin Hussain, "Harta Perolehan Dari Agensi-agensi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah". kertas kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan, pada 4-5 Jun 1983. anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.

(62) Lihat, seksyen 3(2), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955,(NO. 98) (pindaan) 1988. (No. A702). Nilaian ini telah dipinda pada tahun 1988 kepada RM600 ribu dan mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1989.

(63) Lihat, seksyen 3(2), Ibid.

(64) Lihat, Dato' Haji Wan Mohammad Haji Wan Mustapha. kertas kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan.

(65) Temubual dengan Puan Hamisah Daud. Bahagian Tanah GSA. Pejabat Tanah Daerah Muar, pada 30 Julai 1997 bertempat di Pejabat Tanah Daerah Muar.

(66) Lihat, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. (No. 98) (Pindaan) 1988, (No. A702).

- (67) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 357.
- (68) Lihat, seksyen 11A(1) dan (2), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (No. 98).
- (69) Lihat, seksyen 12(10), *Ibid.*
- (70) Lihat, seksyen 14, *Ibid.*
- (71) Lihat, Ordinan Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959, (Ord. 35).
- (72) Mat Zaraai Alias, "Tatacara Permohonan Pusaka Mengikut Akta Probet dan Pentadbiran serta Peraturan Mahkamah Tinggi", kertas kerja *Seminar Harta Pusaka*, pada 24 November 1997, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia; Kamarul Zaman Hj. Habib, "Sistem Pengurusan dan Pembahagian harta Pusaka, Khususnya Pembahagian Pusaka Kecil", kertas kerja *Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan*, pada 4-5 Jun 1983, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.
- (73) *Ibid.*
- (74) Lihat, Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959, (No. 97).
- (75) Lihat, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, (No. 532).
- (76) Lihat, Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950, (No. 247).
- (77) Mohd. Alias Awang, "Permohonan dan Pentadbiran Harta Pusaka: Peranan dan Fungsi Amanah Raya Berhad", kertas kerja *Seminar Harta Pusaka*, pada 24 November 1997, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- (78) *Ibid.*
- (79) Temubual dengan Cik Hajah Hanisah bt. Mamat, Pengurus Cawangan Amanah Raya Berhad Wilayah Persekutuan, pada 25 Jun 1997 bertempat di Pejabat Amanah Raya Berhad, Cawangan Wilayah Persekutuan.
- (80) Lihat, Buletin Suara ARB, bil. 3, Oktober 1996, diterbitkan oleh Ibupejabat Amanah Raya Berhad, Kuala Lumpur.
- (81) *Ibid.*
- (82) Lihat, seksyen 13, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, (No. 532); Kalender Amanah Raya Berhad Tahun 1997, diterbitkan oleh Ibupejabat Amanah Raya Berhad, Kuala Lumpur.
- (83) Habsah bt. Bakar, Buletin Suara ABR, bil. 2, Jun 1996, diterbitkan oleh Ibupejabat Amanah Raya Berhad.

- (84) Lihat, seksyen 17(1), Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. (No. 532).
- (85) Lihat, seksyen 17(2), Ibid.
- (86) Lihat, seksyen 8, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (No. 98).
- (87) Ibid.
- (88) Lihat, seksyen 13, Ibid.. Lihat. Mohd. Alias Awang. kertas kerja Seminar Harta Pusaka.
- (89) Lihat, seksyen 77A, Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959, (No. 97).
- (90) Lihat, Aturan 71, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.
- (91) Lihat, seksyen 16, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. (No. 532).
- (92) Lihat, Aturan 72, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.
- (93) Lihat, seksyen 39, Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1955, (No. 98).
- (94) Lihat, Buku Panduan Permohonan Tuntutan Pembahagian Harta Pusaka Kecil di Bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98), diterbitkan oleh Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. hal. 3.
- (95) Lihat, al-Quran ayat 5.7.11.12 dan 176 surah al-Nisā' serta ayat 282 surah al-Baqarah.
- (96) Lihat, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978. (No. 14); Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Selangor 1989. (No. 2); Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Pulau Pinang 1959, (No. 3); Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Sembilan 1960, (No. 15); Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perlis 1964, (No. 3); Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Perak 1965, (No. 11) dan sebagainya.
- (97) Lihat, Enakmen Rezab Melayu Johor 1936. (No. 1); Enakmen Rezab Melayu Kedah 1349H. (No. 63); Enakmen Rezab Melaku Kelantan 1930, (No. 18); Enakmen Rezab Melayu Perlis 1935. (No. 7); Enakmen Rezab Melayu Terengganu 1941. (No. 17); Enakmen Rezab Melayu Negeri-negeri Melaku Bersekutu 1933. disemak 1935 (Cap. 142).
- (98) Ibid.
- (99) Lihat, Enakmen Pegangan Tanah Adat Negeri Sembilan 1909, (Cap. 125).

- (100) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 106.
- (101) Lihat, seksyen 16, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13).
- (102) Lihat, Enakmen Wasiat 1959, (No. 38).
- (103) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 366.
- (104) Lihat, Akta Kesahtaraan Anak 1961, (No. 60).
- (105) Lihat, seksyen 433(1)(b), Kanun Tanah Negara 1965, (pindaan) 1992, (No. 56).
- (106) Akta ini memperuntukkan bawah had umur dewasa menurut undang-undang adalah 18 tahun. Justeru itu, hak pewarisan seseorang yang berumur di bawah 18 tahun hendaklah diserahkan Pemegang Amanah yang dilantik dan diserahkan kepadanya apabila ia mencapai umur dewasa kelak. Sila lihat, Akta Umur Dewasa 1971, (No. 21).
- (107) Lihat, Enakmen Cukai Harta Pusaka 1941, (Cap. 7).
- (108) Lihat, Ordinan Anak Angkat 1952, (No. 41).
- (109) Lihat, Akta Kontrak 1950, (No. 136).
- (110) Lihat, Ordinan Cacat Akal 1952, (No. 31).
- (111) Lihat, Akta Keterangan 1950, (No. 56).
- (112) Lihat, Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950, (No. 247).
- (113) Lihat, Akta Pemegang Amanah 1949, (No. 208).
- (114) Ridzuan Awang, "Undang-undang Mengenai Pentadbiran dan Pengurusan Harta Pusaka Orang Islam di Malaysia: Suatu Pengenalan", kertas kerja Seminar Faraid Perinakat Kebangsaaan, pada 4-5 Jun 1983, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.
- (115) Lihat, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (No. 98).
- (116) Ibid.
- (117) Lihat, seksyen 78, Ibid.
- (118) Lihat, Buku Panduan Permohonan Tuntutan Pembahagian Harta Pusaka Kecil di Bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98), diterbitkan oleh Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, hal. 3.

- (119) Ibid.
- (120) Lihat, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. (No. 532).
- (121) Temubual dengan Encik Abtar Singh, Penaurus Cawangan Amanah Raya Berhad Daerah Muar pada 28 Julai 1997 bertempat di Pejabat Amanah Raya Berhad Cawangan Muar.
- (122) Lihat, Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai 2(1), Senarai Negeri.
- (123) Lihat, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978. (No. 14).
- (124) Lihat, seksyen 59(3)(b)(iv). Ibid.. Mahmud Saedon Awang Othman (1990), *Kadi: Perlantikan, Perlucutan dan Bidangkuasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 112.
- (125) Ibid., Lihat, seksyen 46(2)(b)(viii). Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993. (No. 505): Lihat, keratan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 21 Julai 1998, hal. 3.
- (126) Lihat, seksyen 64, Akta Keterangan 1950. (No. 56): Lihat, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957. (No. 61).
- (127) Lihat, seksyen 65(1)(e) dan 79. Ibid.
- (128) Lihat, seksyen 64, Ibid.
- (129) Mengikut surat pekeliling kerajaan, saksi bebas mestilah kenal dan bersama-sama mengebumikan jenazah si mati. tiada kaitan persaudaraan dengan si mati atau waris si mati. melebihi had umur dewasa pada masa kematian si mati dan mengetahui si mati adalah tuanpunya harta pusaka yang dituntut. Sila lihat, surat pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian bil. 29/77, tahun 1977.
- (130) Lihat, seksyen 78(1)(f). Akta Keterangan 1950. (No. 56).
- (131) Lihat, seksyen 107 dan 108. Ibid.
- (132) Lihat, seksyen 18, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (No. 98).
- (133) Lihat, seksyen 67, Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959, (No. 97).
- (134) Di dalam urusan penjualan harta si mati, pentadbir harta pusaka hendaklah mendapat perintah Mahkamah bagi tujuan tersebut di samping persetujuan daripada ahli waris

dan harga jualan yang munasabah. Sila lihat. seksyen 60(4). Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. (No. 98): Lihat. seksyen 80, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

(135) Lihat, seksyen 59(2)(b)(iv). Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978, (No. 14).

(136) Lihat, seksyen 4(2), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (No. 98).

(137) Lihat, seksyen 13, Ibid.

(138) Lihat, seksyen 386, Kanun Tanah Negara 1965, (No. 56).

(139) Tuan Hj. Abdullah bin Muhammad. "Pembahagian Pusaka Kecil", kertas kerja *Kursus Asas Pentadbiran Tanah*, pada 21-24 Oktober 1996, anjuran Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi Malaysia, bertempat di Langkawi. Kedah.

(140) Temubual dengan Encik Abtar Singh. Pegawai Pentadbir Pusaka, Amanah Raya Berhad pada 26 Oktober 1997 bertempat di Pejabat Amanah Raya Berhad Cawangan Muar.

(141) Ibid.

(142) Lihat, seksyen 64, Akta Keterangan 1950, (No. 56): Lihat, Akta Pendaftaran dan Kematian 1957, (No. 61).

(143) Lihat, seksyen 65(1)(e) dan 79. Ibid.

(144) Lihat, Mat Zaraai Alias. kertas kerja Seminar Harta Pusaka.

(145) Lihat, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13).

(146) Lihat, seksyen 14, 15 dan 16, Ibid.. Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 259.

(147) Ibid.

(148) Lihat, seksyen 19, Ibid.

(149) Ridzuan Awang, *op.cit.*, hal. 259.

(150) Lihat, Surat Pekeliling Jabatan Ukur Tanah dan Penempatan Peneroka, bilangan 2/81 Tahun 1981.

(151) Lihat, seksyen 12, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13).

(152) Lihat, seksyen 16, Ibid.

(153) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat, Pegawai pentad-

bir Pusaka, Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar pada 20 November 1998 bertempat di Pejabat Unit berkenaan.

(154) Ibid.

(155) Temubual dengan Puan Hamisah Daud, Bahagian Tanah GSA. Pejabat Tanah Daerah Muar pada 20 November 1997 di Pejabat berkenaan.

(156) Ibid.

(157) Ibid.

(158) Lihat, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13).

(159) Temubual dengan Puan Hamisah Daud, Bahagian Tanah GSA. Pejabat Tanah Daerah Muar pada 29 November 1997 bertempat di Pejabat Tanah Daerah Muar.

(160) Ibid.

(161) Ibid.

(162) Lihat, seksyen 386, Kanun Tanah Negara 1965. (No. 56).